

'TPPA wujud lebih banyak peluang kerja'

Bangi: Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan membuka pasaran ekonomi kepada negara anggota yang menyertainya, sekali gus mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali yang juga Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara, berkata pasaran ekonomi akan menjadi lebih terbuka yang mewujudkan lebih banyak produktiviti kerana peluang eksport lebih besar.

Katanya, untuk menghasilkan produktiviti yang lebih besar tentunya memerlukan tenaga kerja bermakna ia mencipta peluang pekerjaan.

"Dalam pasaran lebih terbuka ini juga pelaburan ke Malaysia akan bertambah malah mewujudkan pelaburan berkualiti tinggi dan ini sudah tentu mencipta peluang baru termasuk dalam sektor pekerjaan.

Lebih produktif

"Perkara ini pun memang menjadi dasar yang sedang diusahakan Malaysia walaupun tanpa TPPA, yang mana dalam program transformasi ekonomi, kerajaan mengutamakan ekonomi berasaskan pengetahuan (K), inovasi dan kreativiti," katanya mengulas dakwaan bahawa TPPA bakal melebarkan lagi jurang ketidaksetaraan dan meningkatkan jumlah kehilangan pe-



Prof Dr Noor Azlan Ghazali

kerjaan sepanjang 10 tahun di kalangan negara anggotanya.

Kelmarin, pakar ekonomi yang juga pemegang Kerusi Tun Hussein Onn dalam Pengajian Antarabangsa untuk sesi 2016/2017, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Prof Dr Jomo Kwame Sundaram dalam forum TPPA 2016, anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia mempersoalkan manfaat diperoleh Malaysia melalui TPPA.

Jomo yang juga Penolong Ketua Pengarah dan Penyelaras Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Makanan dan Pertanian bagi tahun

2012-2015, dilaporkan berkata, manfaat ekonomi daripada TPPA adalah meragukan serta risiko yang besar bakal dihadapi jika menyertainya termasuk jumlah kehilangan pekerja dalam kalangan negara anggotanya.

Perjelas kekeliruan

Noor Azlan berkata beliau sangsi dengan dakwaan berkenaan kerana ia berbeza dengan konsep pertumbuhan ekonomi sedia ada.

Katanya, Jomo menggunakan dasar model global dalam mengemukakan hujahnya yang mana apabila lebih banyak peluang eksport baharu, menyebabkan tenaga kerja menjadi kurang.

"Jomo menekankan keadaan itu menyebabkan kurang tumpuan diberikan kepada pasaran domestik maka tiada pengeluaran akan berubah dan ini tidak mewujudkan pekerjaan.

"Jika pasaran lebih besar sepatutnya ekonomi semakin meningkat. Negara yang mengamalkan ekonomi terbuka akan lebih maju kerana pendapatan perkapita lebih kukuh," katanya.